

109

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI  
AHMAD [ PARIT SULONG ]**

**NO. SOALAN : 357**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Skim  
Pembangunan Ekonomi Desa (SPED) ini telah  
berjaya membantu melahirkan pengusaha  
Bumiputera luar bandar dan bagaimanakah  
sambutan yang telah diterima sehingga kini.

110

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa atau dipanggil SPED, antaranya satu usaha berterusan kerajaan meningkatkan pendapatan serta mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di kalangan penduduk luar bandar. Tahun 2018 adalah tahun ketujuh belas penubuhan Program SPED bagi usahawan bumiputera di luar bandar semenjak ditubuhkan pada tahun 2001.

Skop pembiayaan ini adalah meliputi pembelian mesin, peralatan, modal kerja dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan. Keunikan skim pembiayaan ini adalah ianya tidak mengenakan syarat cagaran, penjamin dan bayaran perkhidmatan berasaskan jumlah baki pinjaman tahunan semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam bulan.

Dua buah bank pelaksana bagi SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank). Sepanjang tahun pelaksanaan SPED dari tahun 2001 hingga 30 Januari tahun 2018, seramai 3,769 orang usahawan bumiputera luar bandar telah diluluskan pembiayaan SPED dengan nilai berjumlah RM387.5 juta yang meliputi seluruh Malaysia. Secara purata, usahawan luar bandar yang menerima kemudahan pembiayaan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan perniagaan mereka sekurang-kurangnya 20 peratus selepas setahun mendapat pinjaman.

Sehubungan dengan itu, ini menunjukkan bahawa kemudahan SPED ini disambut baik oleh usahawan luar bandar dan peningkatan jumlah jualan mereka menunjukkan kejayaan bahawa usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan usahawan dan perindustrian bumiputera ataupun MPPB di luar bandar telah tercapai dan akan diteruskan oleh kerajaan.